

28 SEP 2003

TUN MOHAMED ZAHIR LANCAR BUKU DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail malam ini melancarkan buku bertajuk 'Mahathir Menjulung Martabat Malaysia', sebuah buku biografi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Buku yang ditulis oleh Dr Zahidi Zainul Rashid, seorang kakitangan kerajaan, mengandungi maklumat terperinci mengenai kehidupan Dr Mahathir sejak zaman kanak-kanak, persekolahan sehinggalah ke alam pekerjaan.

Dalam ucapannya, Mohamed Zahir berkata beliau menganggap buku itu mengisahkan riwayat Dr Mahathir paling terperinci yang pernah ditulis kerana penulisnya seorang anak Alor Star yang sekampung dengan Dr Mahathir.

"Saya kagum dengan Dr Zahidi kerana boleh tulis dengan detail riwayat Dr Mahathir daripada kecil ke zaman persekolahan dan alam pekerjaan termasuk maklumat mengenai ibu bapa di samping datuk dan nenek Dr Mahathir," katanya pada majlis pelancaran itu di sini.

Menurutnya, kandungan buku biografi bergambar itu banyak berkisar mengenai kehidupan Dr Mahathir di rumahnya di No 18, Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star.

Mohamed Zahir berkata beliau bersyukur sebuah lagi buku dapat ditulis mengenai Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin ulung yang banyak berjasa di negara ini dan peringkat antarabangsa.

Buku berkenaan dijual pada harga RM50 bagi kulit lembut dan RM100 untuk kulit keras.

-- BERNAMA
RIZ RV MOZ